



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perbekalan Tambahan (1967) 1968
DR.06/1968

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Act bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1967 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud² yang tertentu.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut:

1. Act ini boleh-lah di-namakan Act Perbekalan Tambahan (1967), 1968. Tajok ringkas.
2. (1) Maka dengan ini ada-lah di-benarkan pengeluaran sa-jumlah wang yang tidak lebih daripada tiga puluh tiga juta satu ratus tiga puluh sembilan ribu tiga ratus tujuh puluh sembilan ringgit (\$33,139,379) daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan bagi perbelanjaan untuk berbagai² perkhidmatan yang di-nyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1967 yang tidak di-peruntukkan atau yang tidak di-peruntukkan dengan sa-penoh-nya oleh Act Perbekalan, 1967 dan Act Perbekalan Tambahan (1967), 1967. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1967.
2 tahun 1967.
42 tahun 1967.
- (2) Wang yang tersebut itu ada-lah di-peruntukkan bagi maksud² yang di-nyatakan dalam Jadual kepada Act ini. Peruntukan.

JADUAL
(Sekshen 2)

Kepala No.		Tajok		Peruntukan bagi Kepala	
(1)		(2)		(3)	
				\$	
S. S.	1	...	Parlimen	...	77,850
11 S.	4	...	Surohanjaya Pilehanraya	...	151,201
12 S.	7	...	Perdana Menteri	...	392,178
S. S.	10	...	Arkib Negara	...	4,318
S. S.	12	...	Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama	...	50,790
S. S.	13	...	Kementerian Perdagangan dan Perusaha-	...	21,780
S. S.	20	...	Kementerian Luar Negeri	...	1,090,082

<i>Kepala No. (1)</i>	<i>Tajok (2)</i>	<i>Peruntukan bagi Kepala (3) \$</i>
S. 22 ...	Perbendaharaan	35,990
S. 23 ...	Perkhidmatan 'Am Perbendaharaan ...	1,764,000
S. 24 ...	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	26,700,000
S. 25 ...	Kastam dan Eksais Di-Raja	37,300
S. 29 ...	Hasil Dalam Negeri—Malaysia Timor ...	12,645
S. 39 ...	Kementerian Penerangan dan Penyiaran	500,000
S. 42 ...	Penerangan	500,000
S. 44 ...	Kehakiman	5,500
S. 45 ...	Peguam Negara	77,010
S. 50 ...	Kementerian Tanah dan Galian	10,000
S. 57 ...	Hal Ehwal Orang Asli	40,000
S. 64 ...	Penerbangan 'Awam	1,600,000
S. 65 ...	Penerbangan 'Awam dan Perkhidmatan Kajichuacha—Malaysia Timor	68,735
		33,139,379

HURAIAN

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk memberi kuasa berkanun bagi bayaran² tambahan yang tertentu yang akan di-buat untuk perkhidmatan² 'awam persekutuan dalam tahun 1967 yang melebihi perbelanjaan yang di-benarkan oleh Act Perbekalan, 1967 dan Act Perbekalan Tambahan (1967), 1967, dan untuk mengadakan peruntukan bagi mengganti pendahuluan² yang di-buat daripada Kumpulan Wang Belanja Luar-jangka sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan.

[PN. 3654/5.]